

Headline **Siswa IPTA kurang guna bahasa Inggeris**  
Date **02. May 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **27**  
Section **Pendidikan** Article Size **139** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## Siswa IPTA kurang guna bahasa Inggeris

**K**AJIAN Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mendapati kemahiran pertuturan dan penulisan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bahasa Inggeris amat terhad.

Hasil kajian *English Proficiency Test (EPT)* merumuskan walaupun penguasaan pelajar dalam pembacaan sederhana, tetapi memuakkan bagi kemahiran pendengaran.

Rumusan itu berdasarkan Kajian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Pelajar Universiti di Malaysia oleh sekumpulan penyelidik UIAM, dike-

tuai Prof Madya Dr Isarji Sarudin, Pembantu Prof, Dr Ainol Madziah Zubairi, Prof Dr Mohamad Sahari Nordin dan Datuk Prof Dr Mohd Azmi Omar.

Kajian itu membabitkan EPT pelajar di enam IPTA iaitu Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia dan UIAM.

Ia turut membabitkan 117 peserta di kalangan 96 pegawai akademik dan pegawai kanan universiti, lapan pe-

gawai kerajaan serta 13 ahli perniagaan yang diminta memberi pendapat mengenai tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar menerusi soal selidik, perbincangan kumpulan dan persembahan.

Dapatan itu dibentangkan pada seminar *Enhancing The Quality Of Higher Education Through Research: Shaping Future Policy* anjuran Bahagian Perancangan & Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi, di Sepang, baru-baru ini.

Menurut kajian itu, antara punca kelemahan pelajar IPTA dalam ba-

hasa Inggeris adalah perbezaan bahasa komunikasi yang digunakan universiti dan industri serta kemahiran asas pelajar dalam bahasa itu lemah sebelum memasuki universiti.

Kelemahan itu membataskan pelajar mengutarakan idea dan pendapat, memperoleh pengetahuan serta mempamerkan tahap keyakinan tinggi semasa menjalani temu duga.

Kajian itu turut mengemukakan cadangan bagi mengatasi masalah itu termasuk mengkaji serta meningkatkan kaedah pembelajaran bermula daripada sekolah rendah lagi.